

07/03/1998

Selangor pilih kampus ITM

Sariha Mohd Ali

SELANGOR memilih kampus induk Institut Teknologi Mara (ITM) di Shah Alam sebagai Kampung Sukan semua pegawai dan atlit Sukan Malaysia (Sukma) VII, yang bermula 17 April ini.

Untuk kemudahan pegawai dan peserta, semua gelanggang 24 acara diadakan di kawasan berdekatan Shah Alam dengan jarak empat kilometer dari perkampungan sukan, kecuali satu gelanggang di Tanjung Harapan, Pelabuhan Klang.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastuktur dan Hal Ehwal Wanita Selangor, Datin Paduka Rakibah Abdul Manap, berkata kerajaan negeri terpaksa mengambil beberapa langkah perlu untuk memastikan Sukma VII dapat diadakan tanpa menjejaskan mutunya walaupun peruntukan awal RM20 juta, dipotong separuh berikutan kegawatan ekonomi negara.

Kerajaan Selangor mengambil lebih 1,000 sukarelawan, termasuk mahasiswa ITM, pelajar sekolah dan persatuan di sekitar Lembah Klang bagi membantu melicinkan Sukma kali ini.

Dia berkata, setakat ini 16 pasukan mengesahkan penyertaan mereka dalam Sukma VII dan masih menanti perkembangan lanjut sama ada Brunei menghantar kontinjen atau sebaliknya," katanya selepas mengetuai rombongan menemui Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, di Wisma Sri Pahang, Kuantan, semalam.

Rakibah yang mewakili kerajaan Selangor berada di Kuantan untuk menjemput Mohd Khalil secara rasmi menghadiri Sukma di Selangor.

Perasmian Sukma oleh Raja Muda Selangor akan berlangsung di Stadium Shah Alam pada 18 April, manakala majlis penutupnya akan dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 27 April.

(END)